

# PM beri jaminan kepada Khalid Meshaal

um- 4/3/2007

KUALA LUMPUR 3 Mac - Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta masyarakat antarabangsa supaya menyokong kerajaan perpaduan Palestin yang bakal dibentuk oleh Hamas dan Fatah.

Beliau juga turut meminta supaya sekatan ekonomi dan kewangan ke atas pihak berkuasa Palestin ditarik balik.

Abdullah berkata demikian dalam pertemuan dengan pemimpin politik Hamas, Khalid Meshaal bersama rombongannya yang mengunjungi beliau dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar di Putrajaya hari ini.

Menurut Syed Hamid menerusi kenyataan Wisma Putra, Abdullah turut meminta masyarakat antarabangsa menghormati kehendak rakyat Palestin memilih pemimpin mereka secara bebas, adil dan demokrasi.

Dalam hal ini, Abdullah menyambut baik Perisytiharan Mekah dan menyokong penubuhan kerajaan perpaduan Palestin, katanya.

Syed Hamid juga berkata, Abdullah mengulangi jaminan kerajaan Malaysia untuk meneruskan bantuan yang diperlukan kepada kerajaan perpaduan tersebut.

Katanya, Meshaal memberi taklimat kepada Abdullah mengenai keadaan semasa di Palestin termasuk mesyuarat antara Hamas dan Fatah di Mekah baru-baru ini sehingga membuahkan perjanjian penubuhan kerajaan perpaduan Palestin.

Syed Hamid menjelaskan Abdullah juga mengulangi komitmen Malaysia menyokong perjuangan rakyat Palestin untuk menubuhkan sebuah negara bebas.